AKHBAR : BORNEO POST

HARI : RABU

TARIKH : 6 JUN 2012

Makin ramai wanita muda hidap kanser serviks

Kesedaran masih rendah dalam kalangan wanita Malaysia mengenai langkah pencegahan awal



RASMI: Dr Krishna (kiri) dan Sabaratham bergambar bersama poster program 'Bangkit Menentang Barah Wanita!' di sebuah hotel terkemuka di Kuching, semalam. — Gambar Mohd Rais Sanusi

KUCHING: Lebih 1,000 daripada kira-kira 10,000 kes baharu pelbagai penyakit kanser dilaporkan setiap tahun di negara ini adalah barah pangkal rahim.

Presiden Persatuan Genekologi dan Obstetrik Malaysia (PGOM) Dr Krishna Kumar berkata, lebih membimbangkan ketika ini trend menunjukkan semakin ramai wanita muda yakni di peringkat produktif, didiagnos dijangkiti barah ber-kenaan.

"Umur wanita Malaysia dijangkiti kanser serviks atau pangkal rahim semakin muda iaitu 30-an dan 40-an malah ada kes membabitkan pesakit hanya berusia dalam lingku-ngan 20-an, bukan lagi pada lewat 50-an.

"Situasi ini amat membimbangkan dan perlu dibendung dengan segera dan kita percaya jumlah kes sebenar adalah lebih tinggi kerana ada antaranya tidak direkodkan," katanya ketika berucap pada majlis perasmian program 'Bangkit Menentang Barah Wanita!' di sebuah hotel terkemuka di sini, semalam.

Menurut Dr Krishna yang juga pengerusi program itu, kesedaran masih rendah dalam kalangan wanita Malaysia mengenai pentingnya langkah pencegahan awal antara punca ramai wanita di negara ini dijangkiti barah pangkal rahim.

Beliau percaya wanita di luar bandar lebih terdedah kepada risiko dijangkiti kanser berkenaan kerana mereka tidak berpeluang menjalani ujian saringan khususnya 'pap smear.'

Beliau menambah, barah pangkal rahim merupakan barah ketiga paling lazim dalam kalangan wanita di negara ini dengan lebih 70 peratus kes menyebabkan kematian.

"Ujian saringan 'pap smear' amat penting untuk mengesan lebih awal jangkit virus HPV (Human Papillomavirus) dan ia terbukti tepat 99 peratus.

"Sebaiknya wanita yang sudah menjalin hubungan seksual perlu melakukan ujian 'pap smear' tiga tahun sekali selepas ujian pertama dan kedua didapati negatif. Ada juga yang melakukan ujian saringan ini setahun sekali dan ia adalah pilihan wanita itu sendiri," jelasnya.

Beliau memberitahu, lazimnya sel tidak normal akan mengambil masa sekurang-kurangnya 10 tahun untuk menjadi kanser.

"Oleh itu, ujian saringan 'pap smear' rutin sangat penting kerana ia boleh mengesan kewujudan sel-sel tidak normal pada pangkal rahim, dengan itu rawatan tertentu boleh dimulakan dan kanser boleh dielakkan," tambahnya.

Dr Khrishna turut menasihati ibu bapa yang mempunyai anak perempuan berusia seawal 13 tahun agar memastikan

mereka mendapatkan suntikan vaksin HPV di hospital-hospital atau klinik-klinik kerajaan terpilih secara percuma.

"Dapatkan suntikan vaksin ini seawal mungkin untuk anak gadis anda sebelum terlewat kerana vaksin ini tidak berkesan mencegah jangkitan virus HPV apabila mereka mencecah usia 25 ke atas atau sudah menjalinkan hubungan seksual," katanya.

Sementara itu, Presiden Lembaga Persatuan Antarabangsa Ginekologi & Obstrektrik (FIGO) Profesor Sabaratham Arulkumaran dalam ucapan perasmiannya berkata, hanya tiga langkah mudah dipraktikkan untuk kekal sihat.

Langkah pertama, katanya, ialah kesedaran, pencegahan dan lakukan pemeriksaan atau saringan kesihatan secara rutin.

"Wanita harus sedar penyakit barah serviks itu memang wujud seterusnya ambil langkah-langkah pencegahan dengan mengambil suntikan vaksin HPV untuk mengurangkan risiko dijangkiti dan yang terakhir lakukan pemeriksaan kesihatan secara rutin.

"Langkah-langkah ini akan memberi peluang lebih peluang melawan kanser jika ia dikesan lebih awal," jelasnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

HARI : SELASA

TARIKH : 14 OGOS 2012

Makna belanja RM2 juta setiap bulan perangi kanser

KUALA LUMPUR - Majlis Kanser Nasional (Makna) membelanjakan RM2 juta setiap bulan dalam usaha mencegah dan memerangi penyakit kanser di negara ini, kata presidennya Datuk Mohd Farid Ariffin.

Secara purata, jumlah tersebut digunakan bagi tujuan membantu pesakit kanser di 78 hospital di seluruh negara, mengadakan kempen kesedaran serta menjalin kerjasama penyelidikan kanser dengan institusi pengajian tinggi tempatan.

Mohd Farid berkata penyakit kanser boleh dijangkiti di mana-mana bahagian tubuh badan dan memerlukan kos yang besar untuk mengubati dan merawatnya.

"Justeru, Makna perlu bekerja keras untuk mengumpul dan memastikan dana sentiasa mencukupi demi membantu pesakit kanser membiayai rawatan," katanya kepada pemberita pada hari terakhir 'Kempen Jom Botak' anjuran Makna, di sini hari ini.

Kempen yang dilancarkan sejak 1 Jun itu bertujuan memupuk kesedaran masyarakat terhadap penyakit kanser dan berjaya mengumpul dana berjumlah RM235,000.

Ia juga berjaya menarik penglibatan 450 individu daripada pelbagai lapisan masyarakat yang menyokong kempen tersebut dengan membotakkan kepala mereka.

Mohd Farid berharap lebih ramai anggota masyarakat serta badan korporat dapat bersama membantu Makna mencegah dan mengubati kanser secara berterusan di samping mendidik masyarakat tentang bahaya penyakit itu.

"Sumbangan dalam apa juga bentuk sama ada kewangan mahupun moral amat dialu-alukan, kerana pesakit kanser berbeza dengan pesakit-pesakit lain dan sumbangan boleh dibuat menerusi laman web www.makna.org.my," katanya. - Bernama

AKHBAR : BORNEO POST

HARI : AHAD

TARIKH : 30 SEPTEMBER 2012

Pengesanan awal kanser payudara dapat selamat nyawa

KOTA KINABALU: Pengesanan awal kanser payudara melalui ujian mamogram dapat membantu menyelamatkan nyawa jika dikesan pada peringkat awal.

Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Penguna, Datuk Azizah Mohd Dun berkata dapatan kajian menunjukkan peluang untuk sembuh adalah tinggi jika kanser itu dapat dikesan dan dirawat secara efektif pada peringkat awal.

"Oleh itu, nilai kesedaran merupakan antara faktor penting bagi mengesan kanser pada peringkat awal untuk dirawat dengan jayanya.

"Diharap melalui pelbagai program kesedaran kanser payudara yang dijalankan pada bulan Oktober pada setiap tahun ini dapat meningkatkan lagi kesedaran dan fakta mengenai kanser payudara dalam kalangan masyarakat," katanya dalam ucapan perasmiannya sempena kempen kesedaran kanser payudara oleh Permai Polyclinic, di sini kelmarin.

Teks ucapannya disampaikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Asnimar Sukardi.

Menurut Azizah, sepanjang tempoh tiga tahun seramai 17 daripada 3,368 wanita Sabah yang menjalani ujian mamogram dikesan positif kanser.

Sementara itu, Pengerusi Permai Polyclinic, Dr James Jeremiah berkata dengan kerjasama antara Permai Polyclinic dan Kinabalu Pink Ribbon, pihaknya berharap mampu mempertingkatkan lagi kesedaran mengenai kanser payudara dalam kalangan masyarakat.

"Melalui forum terbuka, usaha ini juga adalah untuk meningkatkan kesedaran dan mengurangkan stigma kanser payudara melalui pendidikan mengenai saringan awal, gejala dan juga rawatan," katanya.

Bagi menyokong kempen kesedaran kanser payudara, pada 1 hingga 31 Oktober ini, Permai Polyclinic di Jalan Pantai menawarkan ultrasound payudara atau mamogram dengan bayaran hanya RM40 untuk seorang.

Bagi yang berminat, boleh mengunjungi Permai Polyclinic pada setiap hari bermula jam 8 pagi hingga 9 malam atau hubungi Permai Polyclinic di talian 088-232100 atau 088-265000 untuk maklumat lebih lanjut.

Pengumpulan dana melalui rawatan itu akan disumbangkan kepada Kinabalu Pink Ribbon bagi tujuan subsidi pembelian van bagi memberi perkhidmatan kepada wanita di luar bandar dan sub-bandar.

Turut hadir, Presiden Kinabalu Pink Ribbon, Lucilla Pang dan tetamu kehormat yang lain.

AKHBAR : BORNEO POST

HARI : KHAMIS

TARIKH : 11 OKTOBER 2012

Kanser payudara adalah antara ancaman utama

Paling biasa di kalangan wanita Sarawak sekali gus kanser teratas diikuti kanser servik

KUCHING: Epidemiologi kanser payudara masih menjadi kanser yang paling biasa di kalangan wanita Sarawak sekali gus kanser teratas dialami wanita diikuti kanser servik.

Ketua Jabatan Pembedahan Am Hospital Umum Sarawak (HUS) Nik Azim Nik Abdullah mendedahkan, statistik menunjukkan trend kanser payudara di Sarawak meningkat bagi jangka empat tahun iaitu 1996 hingga 2000 dan 2001 hingga 2005.

"Bagi kanser payudara iaitu pada 1996 hingga 2000, kira-kira 790 pesakit kanser payudara atau 16.2 peratus sementara 17.5 peratus atau 834 pesakit pada tahun 2001 hingga 2005.

"Daripada 790 pesakit (1996-2000), 426 pesakit adalah kaum Cina, diikuti Melayu 185 pesakit serta Iban 114 pesakit dan 21 adalah pesakit Bidayuh," katanya pada taklimat sempena Majlis Perasmian Kempen Bulan Kesedaran Kanser Payudara 2012 yang disempurnakan Pengarah HUS Dr Abdul Rahim Abdullah di HUS, semalam.

Manakala ujar Nik Azim, statistik pada 2001 hingga 2005 daripada 834 pesakit ia masih didominasi wanita Cina iaitu dengan 418 pesakit, Melayu (219), Iban (111) dan Bidayuh 33.

Nik Azim yang juga Pengerusi Kumpulan Sokongan Kanser Payudara (BCSG) HUS menjelaskan malah audit kanser payudara di HUS bagi kajian 2008 hingga 2011 mendapati dari segi umur wanita berusia 41 hingga 55 antara tertinggi dengan 192 pesakit daripada jumlah keseluruhan, 420.

Ia diikuti wanita berusia 56 tahun hingga 70 tahun (124 pesakit), wanita berusia 26 hingga 40 tahun (62 pesakit) manakala mereka yang berusia lebih 70 tahun (37 pesakit) dan 26 tahun ke bawah mencatat lima orang pesakit.

Sementara itu Dr Abdul Rahim yang juga penaung BCSG HUS berkata, kumpulan sokongan yang ditubuhkan sejak tahun 2003 itu perlu meneliti dan bekerja gigih dalam usaha membendung trend peningkatan kes kanser payudara di kalangan wanita Sarawak.

Katanya walaupun kerajaan telah memberikan kemudahan percuma kepada masyarakat untuk melakukan pemeriksaan payudara seperti mamogram, namun tidak semua yang tahu.

"Kita perlu menyelaras langkah pencegahan kita supaya dapat mencapai usaha meningkatkan kesedaran awam termasuk kanser payudara yang masih menjadi kanser tertinggi dialami wanita.

"Kumpulan sokongan perlu berfikir secara kritis mengenai langkah pencegahan dan membincangkan isu," katanya.

Sehubugan itu juga kata beliau, kakitangan HUS perlu meningkatkan usaha mereka agar lebih ramai orang awam mendapat akses atau menggunakan sistem kesihatan yang ditawarkan HUS.

Dr Abdul Rahim berkata sehingga kini hanya 80 peratus klien mereka yang akses terhadap sistem yang ada dan kesemuanya adalah pesakit HUS sendiri.

"Dengan itu saya berharap semua kakitangan HUS berusaha gigih untuk memastikan 20 peratus lagi dapat akses kepada sistem kita," tegasnya.